

**NO. SOALAN: 332**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR  
[ POKOK SENNA ]**

**RUJUKAN : 8810**

**SOALAN:**

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapakah jumlah pekerja asing yang membawa keluarga untuk bekerja di bidang binaan dan perkhidmatan mencuci (cleaner servis) di Malaysia.**

## **JAWAPAN :**

**Mengikut dasar semasa, secara umumnya pekerja asing tidak dibenarkan untuk membawa keluarga sepanjang tempoh mereka bekerja di Malaysia. Walaubagaimanapun, Kerajaan tidak meletakkan sebarang syarat yang menghalang ahli keluarga pekerja asing untuk turut sama bekerja di negara ini tertakluk kepada mereka mengikut prosedur kemasukan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.**

**Pekerja asing dibenarkan untuk bekerja di lima (5) sektor formal yang dibenarkan iaitu sektor pembinaan, perkilangan, perkhidmatan, perladangan dan pertanian serta satu (1) sektor informal iaitu pembantu rumah asing.**